



Tali kerja terputus

Tali penambat dipasang 3m ke belakang dari tepi, di mana ia akan melalui satu palung air hujan logam dalam pelindung tali. Mangsa tercedera telah turun 3m dan sedang mengecat sebuah tingkap semasa tali kerjanya gagal berfungsi. Alat sokongan yang terpirau telah terkunci pada tali keselamatan, tetapi kerana dia bekerja hampir di atas bumbung kaca, jatuhnya tidak terhenti sebelum kakinya terhempas kuat dengan bumbung kaca berdawai. Kakinya terseliuh dan dia memecahkan beberapa tingkap kaca.

Didapati bahawa tali kerja dan pelindung tali telah dipotong oleh tepi bahagian palung logam yang sangat tajam, yang mungkin menjadi lebih teruk disebabkan pergerakan sisi tali tersebut semasa menjangkau tingkap yang sedang dicat. Anggaran jarak jatuh iaitu gabungan panjang tali keselamatan dan alat lanyard (simpul), gelinciran pirau dan kekenduran dalam sistem adalah 2m.

Analisis insiden/ kaedah pengawalan / iktibar yang boleh diambil

- Walaupun pelindung tali berada di tempatnya dan telah terbukti mencukupi di hari sebelum itu, ia tidak mencukupi untuk bahagian palung tersebut. Penilaian risiko walaupun merujuk kepada pelindung tali, tidak mengenal pasti palung logam sebagai bahaya yang khusus. Sekiranya keseluruhan panjang palung telah dinilai sebelum kerja bermula, atau sebelum pergi ke tepi, perlindungan sewajarnya sepatutnya boleh disediakan.
- Seterusnya mereka menetapkan bahawa dengan meletakkan paip longkang plastik keras yang dipotong menegak di atas tepi palung sepertinya, ia akan membolehkan kerja dijalankan dengan selamat. Lain-lain jenis pelindung seperti penggelek atau plat logam bulat, boleh didapati untuk tepi tajam di mana pelindung tekstil mungkin tidak mencukupi. Jagaan rapi adalah perlu untuk memastikan perlindungan berkesan dalam pergerakan sisi tali penambat.
- Tali yang dimuatkan di atas tepi yang tajam boleh dipotong dengan mudah, terutamanya dalam pergerakan sisi. Juruteknik biasanya perlu lebih peka dengan semua titik lelasan di mana tali penambat tidak tergantung secara bebas dan memastikan adanya perlindungan tali yang mencukupi.
- Bekerja dengan tali yang agak hampir dengan tanah bermakna jika tali kerja gagal berfungsi mungkin alat sokongan tidak dapat menahan hentaman ke tanah atau struktur lain, disebabkan oleh pemanjangan tali keselamatan. Apa juga jenis alat sokongan yang digunakan, sesetengah pemanjangan tidak dapat dielakkan. Semakin panjang tali keselamatan di atas juruteknik, semakin besar jarak jatuh disebabkan oleh pemanjangan. Satu penyelesaian yang mungkin ialah dengan memuatkan alat sokongan dengan beban, tetapi tali terbeban lebih mudah terpotong berbanding yang kendur, jadi perlindungan yang baik adalah perlu.

Maklumat perlindungan tali penambat - walaupun tidak relevan secara langsung dalam kes ini

- Pada titik lelasan dalam situasi di separuh ketinggian, penyambungan ke pelindung struktur berbanding ke tali penambat adalah lebih sesuai, kerana pemanjangan tali penambat boleh menyebabkan perlindungan yang lemah atau tiada perlindungan langsung. Jika jalan keluar adalah dari bawah, tetapi tali penambat perlu diambil dari bahagian atas, maka pelindung tali penambat sepatutnya dipasangkan pada tali keselamatan. Jika tali kerja dan tali keselamatan berada pada jarak tertentu, pelindung tali penambat sepatutnya digunakan untuk setiap tali penambat. Jika satu pelindung tali penambat digunakan untuk kedua-dua tali penambat, biasanya ia disambungkan hanya pada tali keselamatan, kerana ia kurang meregang berbanding tali kerja, dan dengan itu akan meminimakan terjadinya lelasan secara tidak sengaja.
- Jagaan rapi perlu untuk memastikan pelindung tali penambat kekal di tempat yang betul apabila tali penambat dimuatkan dengan beban, atau ia diletakkan semula di kedudukan yang betul apabila lebih dari seorang pekerja yang menggunakan tali penambat tersebut. Ini mungkin sangat relevan apabila pengguna mempunyai berat (jisim) yang berbeza. Akibat dari kegagalan tali kerja dan pemanjangan selanjutnya pada tali keselamatan sepatutnya diambil kira, yang mana ia mungkin memerlukan penggunaan beberapa pelindung tali penambat.